

profil

DATUK L. KRISHNAN

L. KRISHNAN adalah satu nama besar dalam dunia filem Melayu. Tokoh filem ini telah "melahirkan" ramai "bintang" yang menyinari layar perak sejak filem Melayu bertapak di Singapura, sehingga berpindah ke Kuala Lumpur.

Dilahirkan di India pada 21 Oktober 1922, beliau yang pernah mendapat pendidikan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, menimba pengalaman awal dalam bidang profileman di India dan dilantik sebagai pengarah filem di Studio Malay Film Productions (MFP), Singapura pada tahun 1950.


Beliau juga adalah antara pengarah filem yang "mengasah" bakat P. Ramlee apabila mengambil pemuda yang ketika itu berbadan kurus sebagai "hero" dalam filem pertama arahannya berjudul BAKTI pada tahun 1950.

Setelah mengarah beberapa buah filem di Studio MFP, pengarah hebat ini berpindah ke Studio Keris Film dan kemudian ke Studio Cathay Keris Film, juga di Singapura.

Pada tahun 1960 iaitu semasa produksi filem Melayu mula beroperasi di Studio Merdeka Hulu Kelang, Selangor, L. Krishnan adalah merupakan pengarah pertamanya dan terus menerus menabur bakti di studio tersebut sehingga beliau membuat keputusan mengurangkan aktiviti pengarahan di bidang profileman.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, L. Krishnan yang dianugerahkan bintang kebesaran yang membawa gelaran DATUK banyak menjalankan aktiviti kebajikan, terutama melibatkan kanak-kanak kurang upaya. Namun perhatiannya terhadap bidang profileman tetap diteruskan apabila nasihat, pemikiran dan pandangannya diperlukan.





profil

Y.BHG. LT.KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDDIN HUSSIN

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin telah dilahirkan pada tanggal 10 Februari 1955 di Pudu, Kuala Lumpur. Anak kelima dari pasangan Hussin Bin Salleh dan Hasmah Binti Hj. Abu Bakar ini telah mendapat didikan awal di Sekolah Rendah Pasar Road dan Sekolah Rendah Kampung Pandan. Beliau meneruskan persekolahannya di Sekolah Menengah Aminuddin Baki dan seterusnya menamatkan pengajian di tingkatan enam di Sekolah Alam Shah.

Selepas zaman persekolahan, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia dan mendapat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Kimia pada tahun 1979 dan pada tahun 1982 memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Elektrokimia di universiti yang sama. Kemudian pada tahun 1993 beliau melengkapkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Bahan (Metallurgy Pengekstrakan) di Universiti Sains Malaysia dan Kalgoorlie School Of Mines, Australia.

Beliau memulakan kerjaya di USM sebagai pensyarah Pusat Pengajian Kimia pada tahun 1982 hingga 1985, dalam tempoh tersebut beliau telah dilantik sebagai Pengurus Rancangan Kimia di Pusat Matrikulasi. Kemudian ditukarkan ke Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral pada tahun 1986 hingga 2001, dan pada tahun 1989 – 1991 beliau telah dilantik sebagai Timbalan Dekan di Pusat Pengajian tersebut dan dilantik semula pada tahun 1991 – 1996 bagi jawatan yang sama. Pada tahun 1996 hingga Mei 2001 beliau telah dilantik sebagai Dekan di Pusat Pengajian tersebut. Selain itu, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin juga pernah dilantik sebagai Penolong Penggawa pada tahun 1984-1986 dan sebagai Penggawa di Universiti tersebut pada tahun 1986 – 1991. Kemuncak kerjaya beliau di USM terserlah setelah dilantik sebagai Pengarah Kampus Kejuruteraan USM pada Mei 2001.



sehingga Mac 2002 sebelum dilantik sebagai Rektor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia pada 16 Februari 2002.

Ketokohan dan kepimpinan beliau amat cemerlang sebelum menjawat jawatan Rektor KUKUM lagi di mana beliau merupakan salah seorang yang terlibat dalam membangunkan Kampus Sementara USM di Ipoh dan Kampus Tetap USM di Tronoh (1986 – 1989) dan merupakan individu yang bertanggugjawab membangunkan Kampus Tetap Kejuruteraan USM di Nibong Tebal, Pulau Pinang (1997 – 2001).

Atas ikatan kasih sayang, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin telah mendirikan rumah tangga dengan Noridah Yangman (sekarang Datin Noridah Yangman) pada 4 Jun 1978 dan hasil perkongsian hidup pasangan ini telah dikurniakan 4 orang cahayamata, 2 putera dan 2 puteri. Datin Noridah adalah insan di sebalik kejayaan Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin dan merupakan insan yang paling banyak memberi dorongan serta sokongan dalam kerjaya dan kehidupan beliau. Kini berkat disiplin dan asuhan yang disemai oleh kedua-dua pasangan ini, keempat-empat putera puteri mereka telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam pelbagai bidang pengajian.


Di samping mencipta kejayaan gemilang dalam kerjayanya, kebolehan dan sumbangan beliau juga begitu terserlah dalam kerja-kerja sukarela dan kemasyarakatan. Bakti dan jasa beliau amat hebat sekali dan tidak terkira oleh jari bilangannya. Rektor pertama KUKUM ini adalah satu nama besar dalam PEMADAM Kebangsaan. Apa tidaknya beliau adalah Pengurus Biro Pencegahan di IPT dan Kelab PEMADAM Kebangsaan bagi tahun 2003 – 2005 dan yang lebih membanggakan lagi, beliau kini adalah penyandang jawatan Naib Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan.

Tidak terhenti disitu sahaja, atas ketokohnanya Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin juga telah dilantik sebagai Naib Pengurus PBSMM Perlis pada tahun 2005. Beliau juga aktif sebagai Tenaga Penggerak dan Penceramah Biro Tatanegara (BTN), dimana tidak kurang dari 60

ceramah telah disampaikan oleh beliau kepada sekolah-sekolah dan masyarakat sejak tahun 1995 lagi. Manakala dalam Pasukan Sukarela Akar Wataniah pula, nama Lt. Kol. Prof Dato' Dr. Kamarudin begitu sinonim sekali dalam pasukan ini. Atas disiplin dan kesungguhannya beliau telah dilantik sebagai Pegawai Memerintah Batalion 1 berpangkat Leftenan Kolonel di Rejimen 504 pada 1 Januari 2003.

Bagi mengenang dan mengiktiraf sumbangan bakti beliau samada dalam bidang kerjaya dan aktiviti sukarela, beliau telah dianugerahkan pingat Ahli Mahkota Perak (AMP) oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1998 dan dianugerahkan Darjah Paduka Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) yang membawa gelaran Dato' oleh DYMM Raja Perlis pada 17 Mei 2004.





profil

SHUHAIMI BABA

SHUHAIMI Baba adalah merupakan seorang yang cukup kaya dengan pengalaman dalam dunia seni dan juga penyiaran yang diceburinya selama beberapa tahun.

Sebelum muncul sebagai penulis skrip dan pengarah filem yang berkalibar, Shuhaimi pernah bergiat dalam bidang teater dan bertugas di FINAS. Beliau juga pernah berkhidmat dengan ASTRO yang merupakan stesen TV satellite yang pertama di Malaysia.

Pengalaman yang luas itu dan ditambah pula dengan daya kreativitinya yang tinggi menjadikannya seorang pembuat filem yang sungguh teliti dan berhati-hati terutama dari segi mutu seni dan estetika.

Malah nilai estetika menjadi tunjang kepada setiap pengarahan filemnya, walaupun sukar diterima oleh penonton-penonton biasa yang lebih sinonim dengan filem-filem bercorak hiburan ringan.

Berkat kegigihan, ketelitian dan kesungguhan, filem-filem arahannya mula mendapat sambutan hangat daripada masykat pelbagai kaum di Malaysia.

Filem PONTIANAK HARUM SUNDAL MALAM arahan dan keluaran Syarikat miliknya, Pesona Pictures Sdn. Berhad, bukan sahaja mencapai kutipan tinggi di 'Box Office' malah mencipta sejarah di peringkat global apabila Shuhaimi dipilih sebagai Pengarah Filem Seram Terbaik (Estepona International Horror and Fantasy Film Festival, Spain) pada tahun 2004.



profil ROSYAM NOR

ROSYAM NOR agak "out standing" dalam ukuran dunia filem tempatan zaman ini jika dibandingkan dengan rakan-rakan seangkatannya dan juga generasi yang kemudian daripadanya. Pencapaiannya bukan sahaja dalam bidang lakonan yang memang hebat, malah dari segi daya kreativitinya bagaikan kesegaran jiwa seninya tidak pernah kering.


Bagi pelakon yang dilahirkan di Kuala Lumpur pada 1 Mac 1967 dan nama sebenarnya Mohamed Noor Shamsuddin ini, setiap lakonannya dihidupkan dengan kelainan dan pembaharuan kerana beliau seorang yang rajin membuat penyediaan dan begitu aktif dalam memperkuuh kerjaya seninya.

Selain itu, Rosyam Nor seorang yang petah bercakap dan berhujah, articulate serta luas pengalaman hidupnya kerana beliau berjuang dari bawah dan setapak demi setapak mendaki ke puncak.

Sebagai seorang "jaguh seni" Rosyam Nor telah memenangi pelbagai anugerah dalam festival-festival filem, sama ada dalam negeri dan juga peringkat antarabangsa. Sesungguhnya kemenangan dan anugerah seperti sinonim dengan diri Rosyam Nor. Meski pun karektornya di layar perak dan juga di kaca televisyen nampak keras, tegas dan bersemangat tetapi dalam realitinya kehidupan beliau adalah seorang yang peramah, berbudi bahasa dan amat mementingkan nilai persahabatan dalam pergaulan.

Baru-baru ini Rosyam Nor membuat kejutan apabila mengumumkan bahawa beliau sendiri mungkin tidak menerima pencalonan dalam mana-mana pertandingan dan anugerah berkaitan perfileman, kerana ingin memberi peluang kepada muka baru meraih kejayaan dan kejuaraan.





profil

MAYA KARIN

SETELAH menunggu selamat 48 tahun, akhirnya dunia filem Melayu berjaya melahirkan seorang pelakon bertaraf tinggi di peringkat Asia Pasifik.

Di Festival Filem Asia Pasifik ke-49 yang berlangsung di Fukuoka, Jepun pada tahun 2004, MAYA KARIN dinobatkan sebagai PELAKON WANITA TERBAIK melalui lakonannya dalam filem "Pontianak Harum Sundal Malam" keluaran Pesona Pictures Sdn. Berhad, diarahkan oleh Shuhaimi Baba.


Maya Karin yang berbakat besar dalam bidang lakonan sentiasa memperlihatkan lakonan yang berkesan dan meyakinkan dalam setiap watak yang diberikan kepadanya.

Pelakon berdarah kacukan Melayu – Jerman, berusia 26 tahun ini juga adalah seorang penyanyi yang pernah menghasilkan dua album semasa menjadi artis syarikat rakaman MIG Records. Beliau juga merupakan pengacara yang mencapai tahap antarabangsa.

Namun satu sikap positif pelakon yang banyak mendapat bimbingan daripada Shuhaimi Baba ini tidak pernah berpuas hati dengan pencapaian yang telah diraihnya.

Maya Karin sentiasa berusaha, bukan sahaja untuk meningkatkan kemajuan dirinya, tetapi juga untuk menaikkan nama negara melalui bidang seni, khususnya perfilman ke peringkat global.





profil MOKHTARUDDIN



SEBELUM menjadi pelakon filem yang kemudiannya bergelar "hero" dalam beberapa judul filem-filem keluaran Studio Merdeka dan beberapa syarikat produksi filem yang berkembang pesat ketika itu, Mokhtaruddin terlebih dahulu menjadi jurulatih silat di Studio Merdeka Hulu Kelang bermula pada tahun 1974.

Aktiviti lakonannya bermula sebagai pelakon tambahan dalam filem "Loceng Maut" (1976) keluaran Studio Merdeka, arahan Naz Achnas. Kemudian diberi kepercayaan memegang watak pembantu dan watak utama dalam filem-filem produksi tempatan ketika itu, terutama filem-filem purba dan filem aksi.

Mokhtaruddin, nama penuhnya Mokhtaruddin bin Haji Mohd. Said dilahirkan pada 22 Disember 1954 di Tambun Tulang, Arau, Perlis. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Arau, kemudian Sekolah Menengah Agama Alawiyah, Arau.


Lain-lain filem lakonannya dan memegang watak utara atau watak pembantu ialah Langkah Sumbang, Binjai Masin @ Kapak Siam, Langit Tidak Selalu Cerah, Pertentangan, Ribut Barat, Cahaya Sakti, Pasung Puaka, Raja Laut, Cikgu Sayang, Jauh Di Sudut Hati dan beberapa judul lain lagi.

Beliau juga turut berlakon dalam beberapa buah drama terbitan RTM antaranya "Wira" iaitu drama tv warna yang pertama, menjadi pelakon utama berpasangan dengan Aznah Hamid, arahan Abdullah Zainol. Mokhtaruddin juga aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan menubuhkan Persatuan Seni Silat Pancang 12 dimana beliau sebagai guru silat dan mengembangkan seni silat tersebut ke seluruh negara. Beliau juga pernah menjadi jurulatih seni mempertahankan diri kepada Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) pada tahun 1985 – 1986.

Pada tahun 1998 beliau mengasaskan Pondok Penyayang Raudah untuk menjadi pusat pendidikan remaja-remaja bermasalah, seperti terlibat dalam gejala dadah, buli, lepak dan sebagainya dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti keagamaan dan social dalam usaha membantu Kerajaan menyelesaikan sebahagian permasalahan masyarakat.

Selain itu, Mokhtaruddin juga menganjurkan "summer camp" setiap minggu sebagai kem motivasi untuk pelajar-pelajar sekolah, dan juga membantu penghasilan dan penerbitan drama-drama berunsur nasihat serta tauladan kepada masyarakat.





profil SHARIFAH HANIM

SHARIFAH HANIM yang mempunyai hubungan dengan Istana Perlis, menceburkan diri dalam bidang lakonan filem kerana minatnya yang besar dalam bidang berkenaan.

Pada tahun 1965, P. Ramlee merealisasikan cita-cita Sharifah Hanim untuk menjadi pelakon filem menerusi filem MASAM-MASAM MANIS yang turut dilakukan oleh P. Ramlee sendiri, disamping bertindak sebagai pengarah.

Sebelum membawa Sharifah Hanim ke hadapan kamera di Studio Merdeka, Hulu Kelang, P. Ramlee terlebih dahulu mendapatkan keizinan Istana Perlis bagi menjadikan anggota keluarga istana itu sebagai "bintang" di layar perak.

Sharifah Hanim begitu cepat mencipta nama sebagai pelakon filem kerana bakat berlakonnya yang baik, selain daripada komitmen tingginya pada kerjayanya itu.

Ketika kegiatan berlakonnya berkurangan, Sharifah Hanim uzur selama beberapa bulan dan meninggal dunia di Kuala Lumpur pada tahun 2004.



profil MAT LONG

PERALATAN muzik yang manawan hati dan perasaan sebilangan besar peminat-peminat muzik, antaranya ialah biola atau "violin". Di kebanyakan negara maju, pemain atau penggesek biola sering mendapat penghormatan dan sanjungan setiap kali selesai sesuatu persembahan yang disertainya.

Di Malaysia suatu ketika dahulu penggesek biola Hamzah Dolmat adalah menjadi sanjungan ramai. Setelah beliau meninggal dunia, kita seolah-olah kehilangan sesuatu khususnya dalam bidang muzik.

Sesungguhnya pemain biola boleh membuat orang gembira dan terpesona mendengar gesekannya, malah pemain biola juga boleh membuatkan orang bersedih dan menyayat hati apabila mendengar lagu irama sedemikian dari gesekkan biolanya.

Di Negeri Perlis juga terdapat seorang pemain biola yang mampu mengharumkan namanya dan negeri kelahirannya, telah berkecimpung dalam bidang tersebut sejak 35 tahun yang lalu dan berterusan hingga sekarang.

CIK MAT BIN LONG atau panggilan glamournya MAT LONG melibatkan diri sebagai pemain biola sejak dari kanak-kanak, iaitu bermain di majlis-majlis khenduri kahwin, di pentas joget sehingga ke peringkat profesional.

Dilahirkan di Kampung Behor Lateh, Kayang, Perlis pada 4 Ogos 1955, beliau mendapat pendidikan formal sehingga ke Sekolah Menengah Melayu. Kini bertugas sebagai Penyelenggara Lanskap.

Beliau bersama biolanya pernah membuat persembahan di Negara Brunei Darussalam dan Jakarta, Indonesia. Selain itu pernah membuat persembahan bersama Orkestra dari Beijing, China di Auditorium Perdana, Angkasapuri Kuala Lumpur dan menyertai Konsert Melayu Serumpun Sedunia.

Selain itu, beliau turut bermain di majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri dan pernah mendapat jemputan untuk membuat persembahan khas di Persidangan OIC di Kuala Lumpur beberapa tahun yang lalu.



profil AHMAD ABD. HAMID



NAMA Ahmad bin Abd. Hamid mungkin tidak sepopuler nama-nama besar dalam bidang perfileman. Ini adalah disebabkan kedudukannya dalam bidang yang berlainan. Ahmad Abd. Hamid ialah seorang wartawan yang telah bertahun-tahun mengabdikan diri dalam bidang penulisan dan kewartawanan, termasuk kewartawanan hiburan tanah air.

Dilahirkan pada 24 Jun 1955 di Bagan Datuh, Perak, beliau berkelulusan Diploma Sebaran Am (Institut Teknologi MARA ITM, 1979), Bachelor of Science (Western Michigan USA, 1982), Master of Science (Journalism) Boston University, 1983.

Mula bertugas sebagai wartawan BERIT HARIAN (1979 - 1980) kemudian menyertai KUMPULAN UTUSAN MELAYU pada tahun 1980, bermula sebagai pemberita akhbar Utusan Melayu (jawi).

Pada tahun 1982 beliau mengambil cuti bagi melanjutkan pelajaran ke Amerika dan kembali bertugas pada 1983.

Antara jawatan yang disandangnya di Utusan termasuklah Penulis Rencana, Pengarang Hiburan, Ketua Biro Alor Setar, Pengarang Berita Luar Negara, Pengarang Mingguan Malaysia dan Penolong Pengarang Utusan Malaysia. Pada bulan Januari 2005 beliau dipinjamkan bertugas di Utusan Karya, iaitu anak Syarikat Utusan Melayu, sebagai Ketua Pengarang Majalah.

Beliau mendirikan rumah tangga bersama Noriza Ibrahim dan mempunyai lima orang cahayamata.



profil

EMI IZHANIZAM BIN AZMI




Beliau telah dilahirkan pada 27 Julai 1983 di Hospital Alor Setar Kedah. Jejaka ini berasal daripada Kedah tetapi bermastautin di Bandar Baru Salak Tinggi Selangor.

Selepas tamat pengajian di peringkat sijil di Matrikulasi beliau telah di tempatkan di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia di dalam Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan.

Kehadiran beliau di bumi KUKUM ini telah memberi sinar dalam bidang nasyid KUKUM kerana beliau adalah kumpulan pertama yang menaikkan nasyid di kalangan pelajar KUKUM. Beliau juga telah menyertai beberapa pertandingan nasyid peringkat universiti.

Baru-baru ini beliau juga telah menjadi penyanyi bagi kumpulan band KUKUM untuk menyertai Fiesta Muzika MAKUM yang dianjurkan oleh KUKUM dan pihak MAKUM. Bakat beliau juga telah mendapat pengiktirafan daripada pihak KUKUM dengan menyandang Anugerah Khas Budayawan pada Anugerah Siswa 2006 yang lalu.





profil

SITI FATIMAH BINTI ABU BAKAR



Tanggal 7 Oktober 1984 di Hospital Umum Bandar Serawak lahirnya seorang puteri yang mempunyai bakat besar dalam bidang kebudayaan. Beliau ialah Siti Fatimah Abu Bakar yang merupakan seorang insan yang memberi komitmen di dalam bidang kebudayaan sejak menjelak kaki beliau di bumi Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.

Siti Fatimah telah menunjukkan bakatnya di dalam bidang kebudayaan sejak di bangku sekolah lagi. Bakat beliau di dalam bidang tarian mula menyerlah semenjak beliau memasuki tingkatan 2 dengan menyertai Festival Kebudayaan Peringkat Sekolah-sekolah di Negeri Sarawak.

Cabang kebudayaan tidak hanya tertumpu ke arah seni tarian sahaja tetapi cabang kebudayaan terdiri daripada pantun, teater dan sebagainya. Siti Fatimah juga pernah mewakili sekolah di dalam Pesta Pantun Peringkat Negeri Sarawak. Beliau juga pernah mewakili sekolah di dalam Tilawah Al Quran Peringkat Sekolah.

Apabila tamat pengajian beliau di Peringkat Matrikulasi beliau telah ditawarkan ke Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) di dalam Pengajian Kejuruteraan Pembuatan. Di KUKUM, beliau tetap aktif di dalam bidang kebudayaan dengan menyertai Festival Seni Tari MAKUM 2005 dan telah mengetuai kumpulan ini dan telah memenangi tempat pertama.

Kesungguhan beliau dalam menaikkan nama KUKUM di dalam bidang kebudayaan telah mendapat pengiktirafan apabila beliau telah dilantik sebagai Exco Kebudayaan Dan Kesenian Majlis Perwakilan Pelajar bagi sidang Akademik 2004/2005. Beliau tidak menghamparkan pihak pengurusan KUKUM dengan tanggungjawab yang dipikul iaitu beliau telah menarik beberapa pelajar baru untuk aktif di dalam bidang kebudayaan di peringkat universiti.

Selain itu, kumpulan yang diketuai oleh Siti Fatimah telah menyertai citrawarna anjuran USM sebagai kumpulan jemputan. Kebolehan Siti Fatimah di dalam kebudayaan lebih menyerlah apabila beliau juga mengeluarkan idea-idea yang bernalas dan beliau juga kreatif di dalam mengolah seni tari mengikut pengalaman beliau.

Siti Fatimah telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar IPT juga berkebolehan di dalam pelbagai bidang tidak hanya pada bidang akademik sahaja. Beliau juga membuktikan bahawa pelajar yang aktif tidak akan kecundang di dalam akademik kerana SGPA beliau sepanjang pengajian di KUKUM memuaskan. Baru-baru ini beliau telah dinobatkan sebagai Penerima Anugerah Tokoh Budayawati 2005 dalam Majlis Anugerah Gemilang Siswa anjuran KUKUM.